

Hanya sedikit kemalangan dilaporkan di UMS setakat ini: Timbalan Canselor

Larry Ralon DE 09.4.2014 3

KOTA KINABALU: Sangat sedikit kes kemalangan dilaporkan di tempat kerja di Universiti Malaysia Sabah (UMS) setakat ini, kata Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Kesemuanya kemalangan sangat kecil, katanya, menambah universiti berusaha untuk menyediakan persekitaran selamat bagi kakitangan dan pelajarinya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Hari Keselamatan dan Kesihatan Kerja 2014 peringkat Negeri, yang dianjurkan bersama oleh Pusat OSHnya sendiri, diketuai oleh Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin, dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Kerja (Dosh) Sabah, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Kerja Negara (Niosh).

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata acara hari itu bertujuan untuk mempromosi OSH dan memupuk semangat berpasukan dalam menyelesaikan masalah berkaitan OSH untuk menambah baik lagi piawai keselamatan dan kesihatan kerja di Negeri ini.

Beliau juga menganggap tema untuk acara tahun ini, iaitu "Keselamatan dan Kesihatan dalam Penggunaan Bahan Kimia di Tempat Kerja", sebagai tepat pada masanya dan sesuai oleh sebab risiko dalam penggunaan bahan kimia di makmal

di sekolah, pusat, institut dan unit di universiti itu sendiri terutamanya yang berkaitan dengan penyelidikan.

"Semua kakitangan, pensyarah dan pelajar terdedah kepada bahan kimia berbahaya yang mereka gunakan dalam kerja penyelidikan mereka. Ia menunjukkan betapa pentingnya bagi mereka mematuhi semua prosedur piawai yang disediakan apabila menggunakan serta mengendalikannya bahan kimia mengikut tahap bahayanya, untuk keselamatan mereka serta sesiapa yang bersama mereka," katanya.

Beliau berharap acara itu akan dapat menjadikan OSH satu budaya yang akan diamalkan setiap hari oleh semua yang berkenaan.